

# Dua seminar silat dalam seminggu

## Perwanit, Persisi mahu tinjau perkembangan silat abad 21

DALAM tempoh seminggu, mulai minggu depan, banyak yang akan diperkatakan tentang silat.

Ini kerana dua pertubuhan Melayu, masing-masing akan menganjurkan seminar silat, selang seminggu antara satu sama lain.

Persekutuan Silat Singapura (Persisi) akan menganjurkan seminar silatnya pada Ahad, 20 Oktober.

Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) pula, akan mengadakannya seminggu selepas itu pada Ahad, 27 Oktober.

Tema kedua-dua seminar juga serupa — meninjau perkembangan silat dalam abad ke-21.

Tetapi, tema seminar silat anjuran Persisi lebih khusus, 'Silat: Tahap Selanjutnya', seperti wawasan Singapura dalam tahun 2000.

Setiausaha Agung Persisi, Encik Mohamad Kaspari, memberitahu bahawa tujuan seminar itu ialah untuk mendapatkan maklum balas terbaru dalam dunia persilatan daripada para pesilat.

"Kita tidak mahu seni silat kita di sini berada di taraf yang statik dan berharap dapat terus mempertingkatkan-nya.

"Malah, selama ini, kita telah dapat meningkatkannya daripada hanya seni mempertahankan diri kepada olahraga, dan yang terbaru, sebagai senaman," jelas Encik Mohamad. **16 OCT 1991**

Seminar itu akan diadakan di Balai Rakyat Kampung Ubi dari 2.30 petang hingga 9 malam.

ia akan dirasmikan oleh Setiausaha Parlimen (Penerangan dan Kesenian), Encik Mohamad Maidin Packer Mohd.

Kira-kira 300 orang anggota dari 17 badan kerabat Persisi akan menghadiri seminar itu untuk mendengar empat kertas kerja. Tiada pesilat atau tetamu dari luar negeri yang akan hadir, kata Encik Mohamad.



**ENCIK MOHAMAD:** Tidak mahu silat terus berada dalam kedudukan statik.



**ENCIK JOHARI:** Akan kemuka saranan silat dijadikan kegiatan luar darjah.

Kesemua kertas kerja itu akan disampaikan oleh anggota Persisi. Ia akan memperkatakan soal kesenian dalam silat, silat olahraga sebagai silat pertandingan, silat untuk kesihatan, dan masa depan pencak silat.

Seminar Perwanit pula akan diadakan di Balai Rakyat Siglap dan akan dirasmikan oleh Menteri Negara (Pelajaran), Haji Sidek Saniff.

Ia akan membentangkan tiga kertas kerja — dua dari Perwanit dan satu dari perwakilan Jogjakarta.

Setiausaha Agung Perwanit, Encik Johari Uriff, juga mengumumkan bahawa antara saranan yang akan dikemukakan dalam seminar itu ialah rancangan meminta Kementerian Pelajaran agar meluaskan seni silat di sekolah-sekolah sebagai kegiatan luar darjah.

Selain daripada itu, ia juga akan membentangkan rancangan menjalankan kajian mengenai tren minat belia Melayu terhadap silat.